

SELANGOR

ENAKMEN No. 13 tahun 2003

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

23 Disember 2003

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2003 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

Seksyen baru 136 dan 137

2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 [*En. 2/2003*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 135, seksyen yang berikut:

“Pemansuhan

136. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 1984 [*En. 4/1984*] dimansuhkan.

Kecualian dan peralihan

137. (1) Semua kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang mansuh menurut kuasa oleh Enakmen ini hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Enakmen ini, sehingga dibatalkan atau digantikan oleh peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, perisytiharan, perintah, pemberitahuan, notis, borang, surat kebenaran, atau pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah Enakmen ini.

(2) Apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, semua kuasa Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah diambilalih atau dijalankan oleh Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini dan mana-mana sebutan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain atau selainnya tentang Mahkamah-Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah disifatkan sebagai sebutan tentang Mahkamah yang ditubuhkan di bawah Enakmen ini.”

Diluluskan pada 19 November 2003
[P.U. Sel. AGM 0033]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
Setiausaha
Dewan Undangan Negeri
Selangor

SELANGOR

ENACTMENT No. 13 of 2003

I ASSENT,

(STATE
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

23 December 2003

An Enactment to amend the Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

Short title and commencement

1. This Enactment may be cited as the Islamic Family Law (State of Selangor) (Amendment) Enactment 2003 and shall come into operation on 1 January 2004.

New sections 136 and 137

2. The Islamic Family Law (State of Selangor) Enactment 2003 [*En. 2/2003*], which is referred to as the “principal Enactment” in

this Enactment, is amended by inserting after section 135, the following sections:

“Repeal

136. The Islamic Family Law Enactment 1984 [*En. 4/1984*] is repealed.

Savings and transitional

137. (1) All rules, proclamations, orders, notifications, notices, forms, authorization letters, and appointments issued or made under or by virtue of any written law repealed by virtue of this Enactment shall remain in force, in so far as they are not inconsistent with this Enactment, until revoked or replaced by regulations, rules, proclamations, orders, notifications, notices, forms, authorization letters or appointments issued or made under this Enactment.

(2) On the coming into force of this Enactment, all the powers of the Courts constituted under the previous Enactment shall be taken over or exercised by the Courts constituted under this Enactment and any reference in any written law or otherwise to the Courts constituted under the previous Enactment shall be deemed to be a reference to the Courts constituted under this Enactment.”

Passed this 19 November 2003

[PU. Sel. AGM 0033]

BAKHTIAR BIN HUSSIN
*Clerk of the Legislative Assembly
Selangor*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA